



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih **dibenarkan membuat tawaran pada masa ini** bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<u>Tajuk Projek:</u> CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 56 UNIT SECARA BERFASA YANG MENGANDUNGI: I) 25 UNIT RUMAH SUPERLINK FASA 4B(i) TERMASUK 2 UNIT RUMAH CONTOH YANG TELAH SIAP; II) 31 UNIT RUMAH SUPERLINK FASA 4B(ii) DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 177 (PM 6402), SEKSYEN 8, KOTA PUTERI, SELANGOR DARUL EHSAN <u>No. Kontrak:</u> PKNS/KPCC/RSL-F4B/KON-2/2024	<u>CIDB :</u> Gred G7 Kategori : B, CE, ME Pengkhususan : B04, CE21 & M15	BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 2, BLOK D, IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR. <u>Pada :</u> 14 Ogos 2025 hingga 20 Ogos 2025 <u>Jam:</u> 9:00 Pagi hingga 4:00 Petang	8 September 2025 (Isnin) Jam 12:00 Tengah Hari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - i) Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM2,800,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja);**
 - ii) Mempunyai pengalaman kerja sebanding bagi **kerja pembinaan rumah superlink atau berkaitan;**
 - iii) Status syarikat tidak disenaraihitam atau dikenakan sebarang **Tindakan Tatatertib oleh CIDB.**
3. Pemanggilan tender bagi projek ini akan menggunakan **Sistem Pemantauan Projek** atau **'Project Monitoring System' (PMS)** bagi urusan pendaftaran syarikat, pengisian Dokumen Tender dan penghantaran tawaran harga. Sila layari **pms.pkns.gov.my** untuk urusan pendaftaran syarikat. Tiada bayaran dikenakan bagi pendaftaran syarikat di dalam PMS.
4. Dokumen Tender (PMS) akan dijual pada harga **RM250.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) (bayaran ini tidak akan dikembalikan).** Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-
 - i) Melalui **Kad Debit, Kad Kredit atau Draf Bank (atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR atau PKNS)** hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk pengesahan pembelian projek dan penghantaran sijil-sijil berkaitan.
5. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **14 Ogos 2025.**
6. Penghantaran sijil-sijil berkaitan hanya dibenarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK) (sekiranya ada)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa penghantaran.
7. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
8. Penyerahan Dokumen Tender **WAJIB** dibuat melalui **PMS DAN Penyerahan Fizikal** seperti berikut:-
 - i) **Project Monitoring System (PMS)**
 - a) Dokumen Tender dan Dokumen Wajib hendaklah diisi dan dimuat naik ke dalam PMS. Kegagalan memuat naik dokumen yang diwajibkan ke dalam PMS akan menyebabkan Dokumen Tender tidak lengkap dan tawaran harga DITOLAK.
 - b) Penyerahan tender melalui PMS hendaklah dibuat pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

ii) **Penyerahan Fizikal**

- a) Dokumen Wajib yang perlu diserahkan secara **fizikal** adalah seperti berikut:
- "Form of Tender";
 - "Tender Summary" / "Summary of Tender";
 - "Declaration Of Integrity".
- b) Dokumen Wajib yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh dan masa tender ditutup seperti yang telah ditetapkan di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300**

9. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.